

# **SUNNAH ALLAH BERKAITAN JATUH DAN BANGUN TAMADUN MANUSIA MENURUT AL QURAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN PROSES PENDIDIKAN AKHLAK: SUATU KAJIAN**

OLEH: MANSOR BIN SULAIMAN (UMP)

## *Abstrak*

Kajian ini cuba mengupas nas-nas al Quran berkaitan sunnah Allah terhadap jatuh dan bangun tamadun dari sudut hubungannya dengan proses pembinaan akhlak manusia. Ini adalah disebabkan penelitian terhadap nas-nas ini memperlihatkan bahawa selain daripada ia memfokuskan kepada persoalan aqidah, ia juga mempunyai fokus yang besar berhubung persoalan akhlak. Oleh itu, kajian ini cuba untuk melihat dengan lebih mendalam lagi berkenaan aspek akhlak ini iaitu dalam aspek kedudukannya sebagai panduan kepada proses pembinaan akhlak manusia yang sepatutnya. Iaitu pembinaan akhlak yang menjurus ke arah pembentukan manusia yang mampu memberi sumbangan kepada pencapaian peringkat pembinaan tamadun seperti mana acuan Allah atau dalam istilah yang dikemukakan al Quran seperti *al tamkin, warathat al ard, al istikhraf* dan sebagainya. Seterusnya kajian ini juga cuba untuk mengengahkan daptan ini dalam bentuk cadangan-cadangan yang boleh diaplifikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam formal dan tidak formal di Malaysia pada hari ini. Bagi mencapai objektif di atas, kajian ini akan menggunakan kaedah *qualitative* iaitu hasil-hasil yang diperolehi hanya bersandarkan kepada kaedah kajian perpustakaan melalui sumber-sumber seperti al Quran, tafsir al Quran, tulisan-tulisan berkaitan sunnah jatuh dan bangun tamadun, pendidikan akhlak dan sebagainya. Akhirnya, diharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada memantapkan lagi pendidikan Islam di Malaysia pada hari ini seterusnya melahirkan manusia pembina tamadun mengikut acuan al Quran.

## **1.0. MUQADDIMAH**

Persoalan pembinaan akhlak merupakan antara perkara yang mendapat perhatian besar di dalam al Quran. Salah satu daripada kandungan hukum-hakam yang terkandung di dalam al Quran itu sendiri adalah hukum berkaitan penyucian jiwa yang dinamakan sebagai hukum akhlak. Antara kandungannya adalah kewajiban para *mukallaf* melatih dan menghiasi diri dengan akhlak yang baik dan menjauhi daripada akhlak buruk<sup>1</sup>. Di samping itu, seluruh sistem Islam<sup>2</sup> itu sendiri adalah ibarat mekanisme pembinaan akhlak berdasarkan matlamat akhirnya untuk melahirkan akhlak yang mulia.

Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini akan cuba mengupas persoalan pembinaan akhlak menerusi salah satu daripada tema yang banyak digunakan al Quran iaitu sunnah Allah berkaitan jatuh dan bangun tamadun. Ia berikutan menerusi pengamatan terhadap nas-nas yang berkaitan, penulis mendapati ia banyak berkisar dalam persoalan akhlak di samping persoalan aqidah yang menjadi fokus utamanya. Antara petunjuk yang begitu ketara adalah keselarian antara jatuh dan bangun sesebuah tamadun dengan akhlak tertentu. Walaupun begitu, dalam kertas kerja yang ringkas ini penulis hanya akan mengupas persoalan pembinaan akhlak ini dalam ruang lingkup tajuk yang dikemukakan ini.

<sup>1</sup> Dr. Muhammad Ibrahim al Hafnawi. *Dirasat fi al Quran al Karim*. Dar al Hadith. Kaherah. T.th. : 126-127.

<sup>2</sup> Dasar pensyariatan hukum dalam Islam meletakkan kesempurnaan akhlak sebagai sandarannya yang paling utama. (Audah, Abdul Kadir. *Al Tasyri' al Jina'ie al Islami Muqaranan bi al Qanun al Wad'ie*. Muassasah al Risalah. Beirut. 1992. Jil. 1:70)

## **2.0. KONSEP SUNNAH ALLAH BERKAITAN JATUH DAN BANGUN TAMADUN**

Sunnah Allah berkaitan jatuh dan bangun tamadun ini merupakan konsep yang dikemukakan al Quran bagi menjelaskan berkenaan peraturan Allah yang ditetapkanNya di sebalik jatuh dan bangun tamadun manusia. Secara umumnya al Quran tidak mengemukakan istilah khusus berkenaan sunnah ini, tetapi ia boleh diketahui menerusi penelitian terhadap nas-nas yang berkaitan dengan penjelasan jatuh dan bangun tamadun yang disebutkan dalam banyak tempat di dalam al Quran. Antaranya boleh dilihat menerusi nas-nas yang menggunakan perkataan sunnah Allah secara langsung, nas-nas berkaitan sejarah silam, nas-nas bersifat *al kauni*<sup>3</sup> dan nas-nas berkaitan khilafah. Walaupun begitu, terdapat pelbagai definisi yang dikemukakan oleh para ulama berkenaan sunnah ini, antaranya dalam definisi berbentuk umum seperti *sunnah al Ilahiyyah al Insaniyyah*<sup>4</sup> dan *sunnah al Ilahiyyah Fi al Umam*<sup>5</sup>, begitu juga dalam definisi berbentuk khusus seperti *sunnah al Tadawul wa al Istibdal al hadhari*, *sunnah al Istikhlas*, *sunnah warathat al Ard* dan sebagainya<sup>6</sup>. Selain daripada itu, terdapat pelbagai teori berkaitan tamadun yang dilihat dikemukakan oleh para sarjana berdasarkan kepada konsep sunnah ini antara yang terkenal seperti teori kitaran tamadun yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun dan juga Malek Bennabi di samping pelbagai teori yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji barat yang berkaitan dengannya seperti teori yang dipelopori oleh Arnold Toynbee, Augusto De Comte dan sebagainya.

Berdasarkan perkara di atas, maka penulis akan menjelaskan definisi sunnah Allah terlebih dahulu sebelum mengemukakan definisi sunnah Allah berkaitan jatuh dan bangun tamadun yang akan menjadi asas kepada penulisan ini. Ini adalah disebabkan asas utama perbincangan ini adalah sunnah Allah itu sendiri.

## **2.1. DEFINISI SUNNAH ALLAH**

Sunnah antara lainnya bermaksud طريقة المسلاكة (jalan<sup>7</sup> yang dilalui) dan *jama*'nya ialah *sunan*<sup>8</sup>. Menurut Ibnu Manzur bahawa asal perkataan sunnah menurut bahasa adalah

<sup>3</sup> *lafaz al kauni* merujuk kepada penjelasan berkenaan *rububiyyah* Allah seperti lafaz yang menggambarkan *qadha'* dan *qadar*, penciptaan, penyusunan dan sunnah (peraturan) daripada Allah (Al Khatib, Dr. Syarif al Syeikh Soleh. *al Sunan al Ilahiyyah fi al Hayah al Insaniyah*. (1): 35)

<sup>4</sup> Abd al Salam Ibn Nasr Allah al Syarif. *Sunnatullah fi Iqab al Umam Fi al Quran al Karim*. Dar al Ma'arif al Dauliyah. Riyadh. 1994. ms. 13.

<sup>5</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan. *Al Sunan al Ilahiyyah Fi al Umam Wa al Jam'at Wa al Afrad Fi al Syari'ah al Islamiyah*. Muassasah al Risalah. Beirut. Cet. 3. 1994. ms: 13.

<sup>6</sup> Muhamad Haisyur. *Sunan al Quran Fi Qiam al Hadharat Wa Suqtiha*. Dar al Wafa'. Cet. 1. Mansurah. 1997. hlm. 271-298.

<sup>7</sup> Jalan yang dimaksudkan ini adalah bermaksud *uslub* (kaedah atau pendekatan) atau *maslak* (cara atau gaya). Sebagai contohnya perkataan *toriqah* (طريق الترسيس) ini digunakan dalam bahasa Arab untuk menjelaskan kaedah pengajaran (طريق الصوفية) dan sebagainya. (*Mu'jam al Asasi*: 792)

<sup>8</sup> Al Syaukani, al Imam al Hafiz Muhammad Ali. *Irsyad al Fuhul Ila Tahqiq al Haq Min Ilmi al Usul*. Dar al Kutubi. Kaherah. 1992. Jilid 1.

datang daripada beberapa makna antaranya ialah (الطريقة المحمودة المستقيمة / jalan / cara atau gaya lurus yang terpuji)<sup>9</sup>. Al Qurtubi<sup>10</sup> memberikan contoh untuk makna di atas seperti berikut iaitu sekiranya seseorang berkata "فَلَمْ يَأْتِ مَنْ أَنْهَاكُمْ عَنِ الْحَقِيقَةِ" (seseorang berada di atas sunnah) bermaksud seseorang itu berada di atas jalan yang betul, tidak menyeleweng dengan mengikut hawa nafsu. Manakala perkataan sunnah yang disandarkan kepada Allah (*sunnah Allah*) pula dijelaskan oleh Ibnu Manzur sebagai perkataan yang membawa maksud hukum, suruhan dan tegahan Allah. Sebagai contoh, firman Allah<sup>11</sup> yang bermaksud "*Demikianlah sunnah Allah (hukum Allah) terhadap mereka yang telah lalu sebelum ini*" iaitu bermaksud Allah telah menjatuhkan hukuman sedemikian terhadap mereka yang bersikap munafik dan golongan yang menyokong mereka dengan hukuman berbentuk bunuh walau di mana mereka berada<sup>12</sup>. Selain daripada itu, ia juga boleh didefinisikan sebagai peraturan Allah berdasarkan maksud umum sunnah sebagai *al Toriqah* sepertimana dijelaskan di atas di samping ayat-ayat al Quran yang menggunakan perkataan sunnah Allah ini secara umumnya memberi maksud yang menjurus kepada makna peraturan yang bersifat tetap terhadap sekalian makhluk<sup>13</sup>.

Perkataan sunnah ini juga menggambarkan bahawa ia merupakan sesuatu yang berterusan serta berulang dan pernah berlaku sebelum ini sepertimana dinyatakan oleh Abdul Ghani Abdul Khaliq ketika membahaskan maksud sunnah dengan menyatakan bahawa perkataan *الطريقة* memberi maksud *al istimrar* (berterusan) dan *al tikrar* (berulang)<sup>14</sup>. Sunnah ini akan terus berlaku sekiranya diulangi perkara-perkara yang membawa kepada kejadian yang pernah berlaku tersebut. Sepertimana seseorang yang melalui jalan yang sama bagi menuju ke suatu destinasi, maka ia akan menemui pemandangan dan cabaran yang sama dalam perjalannya setiap kali ia melalui jalan tersebut. Maksud sunnah seperti ini boleh didapati dalam kebanyakan tafsir berkenaan ayat-ayat berkaitan sunnah yang disandarkan kepada golongan tertentu<sup>15</sup>.

## **2.2. DEFINISI SUNNAH ALLAH BERKAITAN JATUH DAN BANGUN TAMADUN**

---

<sup>9</sup> Ibnu Manzur, Muhammad Ibnu Mukarram. Lisan al Arab. Matba'ah al Misriyyah. Kaherah. 1966. Juzuk 18. ms. 90.

<sup>10</sup> al Qurtubi, Abu Abdullah Ibn Muhammad Ahmad al Ansari. Al Jami' Li Ahkam al Quran. Al Hai'ah al Masriyah al Ammah Li al Kitab. Mesir. 1987. jilid 4. hlm: 216.

<sup>11</sup> Al Quran;

<sup>12</sup> Ibnu Manzur. Juzuk 18. ms: 89.

<sup>13</sup> Sunnah Allah ditakrifkan sebagai peraturan Allah boleh dilihat melalui pelbagai tafsiran terhadap ayat-ayat yang berkenaan. Antaranya rujuk tafsiran Ibnu Kathir terhadap ayat 26, surah al Nisa' (Ibnu Kathir. Tafsir al Quran al Karim. Dar al Khair. Jil. 1. Beirut. Cet. 2. 1991. ms:522). Tafsiran Rasyid Ridha dan al Qurtubi di atas juga boleh dilihat sebagai membawa maksud peraturan Allah terhadap hambaNya.

<sup>14</sup> Abdul Ghani Abdul Khaliq. Hujjiyah al Sunnah. Dar al Wafa'. Mansurah. 1993. cet. 2. hlm: 51

<sup>15</sup> Antaranya rujuk dalam tafsiran terhadap ayat 137, Surah Ali Imran, dalam Tafsir al Quran al Karim (tafsir al Manar)Maktabah al Kaherah. Mesir. T.th. Jilid 4. hlm: 139-140. Rujuk juga tafsiran ayat 43, Surah fathir, dalam Tafsir al Qurtubi, Jilid 14: 360.

Berdasarkan keterangan di atas, sunnah Allah berkaitan jatuh dan bangun tamadun ini secara umumnya bermaksud peraturan, undang-undang atau sistem yang ditentukan Allah terhadap usaha pembangunan tamadun yang dilakukan manusia. Sekiranya usaha tersebut menepati dan selari dengan manhaj dan peraturan, undang-undang dan sistem yang ditentukanNya maka tamadun itu akan berkembang dan terpelihara iaitu berada di atas landasan sunnah yang menuju kepada kejayaan dan kekuahan tamadun, tetapi jika sebaliknya maka tamadun tersebut akan menjurus ke arah kehancuran sepihama yang telah berlaku terhadap tamadun-tamadun silam.

Penjelasan kepada perkara di atas boleh dilihat menerusi nas-nas al Quran yang berkaitan. Berikut dikemukakan dua nas yang menjelaskan perjalanan sunnah ini:

## I. NAS BERKENAAN SUNNAH BERKAITAN KEJATUHAN TAMADUN

Nas al Quran menjelaskan berkenaan kisah kehancuran kerajaan silam dalam surah al Isra' ayat ke 16-17 yang berlaku disebabkan oleh kefasikan yang dilakukan oleh golongan *mutrafun*. Ia menunjukkan bagaimana kehancuran akan dikenakan kepada golongan *mutrafun* tersebut serta golongan manusia yang redha dengan golongan tersebut. Firman Allah:

وَإِذَا أَرْدَنَا إِنْ تَهَلَّكُ قَرْيَةً امْرَنَا مَتْرِفِيهَا فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقٌّ عَلَيْهَا الْقُولُ فَدَمَرْنَا هَا تَدْمِيرًا .

وَكُمْ أَهْلَكْنَا مِنَ الْقَرْوَنَ مِنْ بَعْدِ نُوحٍ وَكُفَى بِرِبِّكَ بِذَنْبِهِ عَبْدَهُ خَبِيرًا بَصِيرًا

Maksudnya:

*"Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya. Dan berapa banyak kaum sesudah Nuh telah Kami binasakan. Dan cukuplah Tuhanmu maha mengetahui lagi maha melihat dosa hamba-hambanya"*<sup>16</sup>

## II. NAS BERKENAAN SUNNAH KEBANGUNAN TAMADUN

al Quran juga mengemukakan situasi yang bertentangan dengan situasi pertama di atas iaitu menerusi ayat 96, Surah al A'raf yang menjelaskan sebab-sebab kepada kejayaan dalam pembinaan tamadun. Firman Allah:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ أَمْنَوْا وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بِرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

<sup>16</sup> Selain daripada nas ini, terdapat banyak lagi nas lain yang membawa mesej yang serupa sehingga ia disebutkan oleh sesetengah sarjana sebagai *sunnah al Iqab*.

Maksudnya:

*“Jikalau sekiranya penduduk-penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwah, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi....”<sup>17</sup>*

Di dalam kedua-dua situasi yang dikemukakan al Quran di atas, ia menjelaskan kepada kita berkenaan dua bentuk realiti yang membawa kepada dua implikasi berbeza. Realiti pertama seperti mana keterangan ayat pertama di atas adalah merupakan penjelasan sebab yang membawa kehancuran dan sebab kedua seperti mana keterangan dalam ayat kedua, merupakan sebab yang membawa kepada kejayaan dan mengelak kehancuran. Secara umumnya kedua-dua realiti ini menunjukkan dua sikap berbeza manusia dalam menjalani kehidupan ‘bertamadun’ mereka. Sekiranya dikaitkan dengan persoalan akhlak, maka boleh dikatakan bahawa realiti pertama merujuk kepada akhlak negatif manakala realiti kedua merujuk kepada akhlak positif, dalam masa yang sama ia menunjukkan implikasi terhadap jatuh dan bangun tamadun daripada kedua-dua bentuk akhlak yang berbeza ini.

### **3.0 HUBUNGAN ANTARA SUNNAH ALLAH BERKAITAN JATUH DAN BANGUN TAMADUN DENGAN PROSES PENDIDIKAN AKHLAK**

#### **3.1. KONSEP PROSES PENDIDIKAN AKHLAK<sup>18</sup>**

##### **3.1.1. KONSEP PENDIDIKAN AKHLAK MENURUT ISLAM**

Islam melihat bahawa akhlak merupakan suatu yang boleh dibina menerusi kaedah-kaedah tertentu. Sekiranya ia tidak dapat dibina maka Islam tidak akan menuntut untuk membina dan mengukuhkannya menerusi nas-nas yang banyak daripada al Quran dan al Hadith<sup>19</sup>. Pembinaan akhlak yang dimaksudkan di sini adalah pembinaan akhlak manusia menerusi proses *tarbiyah*<sup>20</sup> (pendidikan) sehingga menepati matlamat kejadian manusia itu sendiri iaitu beribadah kepada Allah. Dalam hal ini, akhlak adalah merupakan hasil akhir kepada

<sup>17</sup> Terdapat banyak lagi nas lain yang menjelaskan perkara yang sama dan dikategorikan para sarjana dengan pelbagai kategori, antaranya *sunnah al Tamkin*, *sunnah warathat al ard* (Terdapat 7 ayat dalam al Quran yang boleh dirujuk dalam persoalan sunnah ini berdasarkan lafadz pewarisan dunia yang terdapat dalam ayat tersebut), *sunnah al Istikhraf* (Terdapat 13 tempat dalam al Quran menyentuh berkaitan persoalan istikhraf ini. Antaranya menggunakan perkataan *khilafah*, *khala'if* dan *khulafa'*) dan sebagainya.

<sup>18</sup> Dari sudut bahasa, akhlak berasal daripada perkataan *al khuluq* bermakna tabiat, *jama'nya* ialah akhlak. *Al khulqu* dan *al khuluq* bermakna perangai. *Al khuluq* juga adalah agama, tabiat dan perangai. Manakala hakikatnya adalah sifat kepada gambaran batin manusia. Akhlak atau pun *khuluk* menurut istilah seperti mana yang didefinisikan oleh para ulama, antaranya ialah sebagai keadaan yang bertapak di jiwa, daripadanya lahir perbuatan-perbuatan dengan secara mudah tanpa memerlukan kepada berfikir terlebih dahulu dan renungan.

<sup>19</sup> Dr. Muhammad Mansur. *Al Mukhtasar al Mufid Fi Tarbiyah al Nafs*. Dar al Tauzi' wa Nashr al Islamiyah. Mesir (medan Sayyidah Zainab). 1998. cet. 2.: 7-8

<sup>20</sup> *Tarbiyah* (تَبْرِيَةٌ) dari sudut bahasa berasal daripada perkataan *rabba* (رب) yang bermaksud menumbuh, mengembang, menambah kekuatan jasad, akal dan jasad. (*Mu'jam al Wasit*. Majma' al Lughah al Arabiyah. Kaherah. Jil. 1. 1960: 356) Ia juga dierangkan sebagai *al Tanmiyah* (التنمية) yang bermaksud proses menumbuh, mengembang dan menambah. (Dr. Abd. Ghani Abud& Dr. Hassan Ibrahim Abdul Aal. *Al Tarbiyah al Islamiyah wa Tahaddiyat al Mu'asir*: 26)

proses pendidikan yang dilalui oleh seseorang. Iaitu kemuncak pendidikan dalam Islam adalah pencapaian akhlak yang baik<sup>21</sup>. Ia disebabkan tujuannya adalah untuk melahirkan insan soleh yang beriman kepada Allah dan mentaatiNya selari dengan firman Allah dalam ayat 56, Surah al Zariyat. Maksud seperti ini juga dapat dipetik menerusi perbahasan berkenaan pendidikan dan matlamatnya yang secara umumnya mengaitkan kelahiran akhlak menerusi proses pendidikan. Ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa untuk mendapatkan akhlak baik, seseorang perlu melalui proses pembinaan atau pendidikan yang tertentu.

Perkara yang sama telah disentuh oleh ramai sarjana, sehingga terdapat pandangan yang menyatakan bahawa ahli falsafah Islam telah *berijma'* bahawa pendidikan akhlak adalah roh kepada pendidikan Islam. Iaitu matlamat utama dan asasi kepada pendidikan Islam adalah memperelokkan akhlak dan mendidik roh<sup>22</sup>. Oleh kerana itu, penjelasan di atas menunjukkan bahawa pembentukan akhlak memerlukan kepada proses yang diusahakan ke arahnya. Berhubung perkara ini, bagi mendapatkan akhlak sepetimana yang dikehendaki Islam maka proses yang tertentu perlu dilaksanakan. Tanpa proses ini akhlak sepetimana yang dikehendaki itu tidak akan dapat dilahirkan bahkan akan terbentuk akhlak lain yang berbeza dengan akhlak yang dituntut Islam. Inilah realiti yang boleh dilihat ketika proses pendidikan sepetimana dituntut Islam diketepikan.

### **3.1.2. PENDEKATAN DALAM PEMBINAAN AKHLAK**

Secara umumnya terdapat banyak pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana berkenaan pendekatan dalam pembinaan akhlak berdasarkan kepada penelitian mereka terhadap nas-nas al Quran dan juga pelbagai teori yang berkaitan. Antara kajian yang boleh dimanfaatkan dalam kertas kerja ini adalah kajian Yalijin yang mendapati bahawa terdapat lima aliran utama yang membicarakan berkenaan pendekatan pembangunan akhlak manusia meliputi aliran golongan Islam dan bukan Islam (barat)<sup>23</sup>. Dalam ulasan beliau terhadap aliran-aliran ini, beliau mengakui kewajaran pendekatan-pendekatan yang dikemukakan tersebut sambil mengulas bahawa Islam mengakui pendekatan-pendekatan tersebut tetapi tidak mengkhususkan kepada setiap satu daripadanya sebagai satu-satunya

<sup>21</sup> Dr. Ya'akub Hussain Syawwat. *Al Minhaj al Tarbawi Min Manzur Islami*. Dar al Furqan. Cet. 1. 1992: 24-25.

<sup>22</sup> Muhammad Atiyah al Abrasyi. *Al Tarbiyah Fi al Islam*. Bil. 2. dalam- Dirasat Fi al Islam. Terbitan al Majlis al A'la Li al Syu'un al Islamiyah Bi Wizarah al Awqaf. Kaherah. 3 Mac 1961 / 15 Ramadhan 1380h. : 9-10.

<sup>23</sup> Aliran-aliran tersebut adalah (1) Pendekatan pembiasaan terhadap prinsip-prinsip akhlak. (2) Pendekatan pembentukan *basiroh akhlakiah* (pengetahuan berkenaan akhlak). (3) Pendekatan *talqin* (pemberitahuan / penyampaian). (4) Pendekatan sufi. (5) Pendekatan pembentukan persediaan berakhlik. (Yalijin, Miqdad: *Daur al Tarbiyah al Akhlakiah al Islamiyah Fi Bina' al Fardi wa al Mujtama' wa al Hadharah al Insaniyah*. Dar al Syuruq. Beirut cet. 1. 1983: 14-20)

pendekatan yang perlu digunakan dalam pembinaan akhlak. Perkara ini dikemukakan beliau memandangkan bahawa kesemua pendekatan tersebut boleh dihubungkan dengan panduan yang dikemukakan Islam dalam pembinaan akhlak itu sendiri. Antara lain panduan yang dikemukakan Islam adalah proses pendidikan perlu menekankan pembentukan unsur-unsur pembinaan akhlak seperti pembentukan *atifah* (perasaan), *basiroh* (ilmu) dan *iradah* (kehendak) kepada akhlak yang baik. Ini disebabkan akhlak baik hanya dapat lahir dengan bertitik-tolak daripada unsur-unsur ini<sup>24</sup>. Secara umumnya kesemua unsur tersebut bersifat unsur dalaman bagi seorang manusia. Pendapat yang sama boleh dilihat menerusi pandangan Darraz yang antara lainnya menyatakan bahawa akhlak menurut al Quran adalah bertitik tolak daripada dalaman, septimana untuk membangunkannya al Quran menunjukkan bahawa ia perlu bertitik-tolak daripada dalaman manusia juga. Perkara ini boleh dilihat menerusi asas-asas kepada prinsip-prinsip akhlak dalam al Quran yang dikemukakan oleh beliau yang menunjukkan bahawa elemen dalaman manusia menjadi asas kepada terbangunnya akhlak septimana yang diingini al Quran. Antara elemen-elemen dalaman tersebut adalah seperti elemen *ilzam*, pertanggungjawaban, balasan, niat dan kesungguhan<sup>25</sup>.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian di atas, penulis mendapati bahawa secara umumnya terdapat dua pendekatan yang paling utama dalam pembangunan akhlak ini iaitu menerusi proses bersifat *ilmi* dan praktikal. Iaitu proses bersifat *ilmi* merujuk kepada proses berkaitan mencerap atau mendapatkan ilmu bagi menghubungkannya dengan elemen-elemen dalaman manusia seterusnya menggerakkan kepada akhlak yang ingin dihayati. Manakala proses bersifat praktikal merujuk kepada latihan atau pembiasaan terhadap sesuatu tingkah laku bagi menjadikannya sebagai akhlak yang mendarah daging dalam diri seseorang<sup>26</sup>. Walaupun begitu, hakikatnya kedua-duanya proses ini membawa kepada proses pembentukan elemen dalaman manusia juga septimana yang disebutkan oleh Yalijin. Ini adalah disebabkan hakikat akhlak adalah suatu yang lahir daripada dalaman manusia itu sendiri septimana difahami daripada maksud akhlak itu sendiri. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada asas ini, maka penulis melihat bahawa dua bentuk proses ini merupakan perkara yang berlaku dalam sunnah Allah berkaitan jatuh dan bangun tamadun septimana yang dikemukakan al Quran.

---

<sup>24</sup> Ibid: 14-20

<sup>25</sup> Darraz, Dr Muhammad Abdullah. *Dustur al akhlak fi al Quran: Dirasah Muqaranah Li al Akhalq al Nazoriyah fi al Quran. Muassasah al Risalah*. Cet. 10. 1998. beirut: ya dal- kaf

<sup>26</sup> Pandangan ini selari dengan pandangan al Ghazali dalam kitabnya Mizan al Amal (rujuk: al Ghazali. Mizan al Amal. 1989. Beirut. Dar al Kutub al Ilmiyah: 64)

## **3.2. PROSES PENDIDIKAN AKHLAK MENERUSI SUNNAH ALLAH BERKAITAN JATUH DAN BANGUN TAMADUN**

### **3.2.1. PROSES PENDIDIKAN AKHLAK BERSIFAT *ILMI***

Proses pendidikan akhlak bersifat *ilmi* ini merujuk kepada peranan nas-nas berkenaan sunnah Allah berkaitan jatuh dan bangun tamadun dalam membangunkan jiwa manusia sehingga peringkat menghayati akhlak sepetimana yang dikehendaki al Quran. Perkara ini boleh dilihat menerusi ulasan beberapa orang sarjana berkaitan nas-nas berkaitan sunnah Allah berkaitan tamadun secara umum, antaranya seperti Dr. Abdul Karim Zaidan yang menyatakan bahawa tindakan mengkaji dan memahami nas-nas berkenaan sunnah ini adalah sebahagian daripada kewajiban agama disebabkan ia menunjukkan manusia kepada kaedah tingkah laku yang benar dalam kehidupan. Dengannya manusia dapat terselamat daripada termasuk dalam kesalahan, kesesatan, tertipu dengan diri sendiri dan angangan kosong, di samping selamat daripada melakukan perkara yang ditegah Allah dan berjaya mencapai janji kejayaan yang dijanjikan Allah kepada hambanya yang beriman dan bertaqa<sup>27</sup>. Muhammad Haisyur pula menyatakan bahawa sunnah Allah membawa manusia supaya menterjemahkan pengajaran (*ibrah*) yang diperolehi kepada keputusan yang dilaksanakan dalam kehidupan berbentuk tingkah laku yang tertentu<sup>28</sup>.

Secara umumnya peranan nas berkenaan sunnah ini yang membawa manusia kepada pembentukan akhlak yang baik adalah merupakan matlamat umum yang dibawa oleh al Quran itu sendiri. Iaitu matlamat pendidikan al Quran adalah membawa manusia kepada menterjemahkan pengetahuan yang dicapai, kepada kekuatan yang menggerakkan mereka dalam alam realiti yang menepati kandungan al Quran itu sendiri. Ia bermaksud, al Quran membawa manusia mengubah tingkah laku mereka bagi menepati kehendak al Quran dalam seluruh kehidupan sehingga dapat kembali kepada Allah, manhaj serta kehidupan yang dikehendakiNya<sup>29</sup>.

### **3.2.2. PERINCIAN PROSES PEMBINAAN AKHLAK MENERUSI NAS-NAS BERKENAAN SUNNAH JATUH BANGUN TAMADUN**

#### **3.2.2.1. PEMBENTUKAN PEMIKIRAN YANG BENAR**

Nas-nas berkenaan sunnah Allah ini antara lainnya membawa manusia kepada usaha berfikir, meneliti dan mengkaji sunnah atau peraturan yang dikemukakan Allah. Apabila al

<sup>27</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan. : 16-17.

<sup>28</sup> Muhammad Haisyur: 160.

<sup>29</sup> al Nahlawi. *al Tarbiyyah bi al Ayat*. Dar al Fikri al Mu'asir. Beirut. Cet. 2. 2000: 25-26

Quran menjelaskan tentang sunnah jatuh dan bangun tamadun ini, ia bukan sekadar dibentangkan dalam bentuk maklumat atau ilmu yang perlu diketahui dan difahami semata-mata tetapi ia juga disertakan penjelasan berbentuk hujah dan bukti yang boleh didapati oleh manusia menerusi penggunaan akal mereka. Antara lain bukti dan hujah tersebut adalah menerusi penjelasan kisah-kisah sejarah umat silam yang masih boleh dilihat kesan-kesan tinggalannya serta masih terbuka untuk dikaji sama ada menerusi kajian saintifik atau kemasyarakatan<sup>30</sup>. Menurut al Khatib, kisah-kisah sejarah ini sahaja berjumlah hampir 1500 ayat atau meliputi satu perempat daripada kandungan al Quran itu sendiri<sup>31</sup>. Contoh nas yang berkenaan antaranya adalah ayat 137, Surah al A'raf. Firman Allah:

قد خلت من قبلكم سنن فسيراوا في الأرض فانتظروا كيف كان عاقبة المكذبين

Maksudnya:

“Sesungguhnya telah berlalu sebelum kamu sunnah-sunnah Allah; kerana itu berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana akibat orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul)”

Nas di atas secara umumnya menuntut supaya sunnah ini diteliti dan dikaji menerusi saranan memerhati kesan-kesan tinggalan umat silam yang banyak terdapat di mukabumi ini<sup>32</sup>. Penggunaan perkataan *فانتظروا* yang terdapat dalam ayat di atas serta pendedahan dalam nas-nas lain berkenaan kehancuran kota-kota silam disebabkan kezaliman golongan terdahulu menggambarkan penekanan *ibrah* melalui gesaan berfikir. Perkataan *ibrah* ini menurut Dr. Solah adalah istilah yang menggambarkan pembaca seolah-olah berjalan (*ubur*) melalui kisah-kisah silam yang telah berlalu dengan memutuskan ikatan zaman dan tempat yang mengikat mereka daripada sampai kepadanya. Ia juga seolah-olah membebaskan diri seseorang daripada penjara realiti semasa serta meninggalkan pandangan yang agak sempit yang hanya melihat kepada keadaan semasa kepada pandangan yang lebih luas meliputi sejarah mereka yang terdahulu seterusnya menghayati, meneliti dan mengambil pengajaran daripadanya<sup>33</sup>. Menerusi konsep *ibrah* ini maka perkataan *فانتظروا* ini bukan sekadar memberikan makna melihat dengan pengertian yang terbatas, tetapi memberikan maksud yang lebih luas daripada itu sehingga meliputi penglihatan yang disertai dengan pertanyaan seperti mengapa?, bagaimana?, ke mana? dan siapa?. Dalam erti kata lain, ia bermaksud gesaan melihat yang diiringi dengan pemikiran seterusnya diikuti dengan usaha untuk mengkaji dan menyelidik bagi

<sup>30</sup> Muhammad Somil Ilyani: 61 dan al Nahlawi. *Al Tarbiyah Bi al Ayat*: 226.

<sup>31</sup> Al Khatib. (1): 43.

<sup>32</sup> Al Nahlawi: 58.

<sup>33</sup> Dr. salah Abdul Fattah al Khalidi. *Ma'a Qasas al Sabiqin Fi al Quran*. (*min kunuz al Quran 5*) jil. 1. dar al Qalam. Damsyik. Cet. 2: 1996: 28.

mendapatkan hakikat perkara yang disuruh untuk dilihat itu<sup>34</sup>. Selain daripada itu, terdapat juga nas yang menggesa manusia mencari maklumat berkenaan sejarah umat yang telah melalui sunnah Allah ini menerusi suruhan mendengar seperti sebutan (أفلا يسمعون) <sup>35</sup>. Iaitu antara lain bermaksud mendapatkan kisah-kisah yang disampaikan manusia menerusi periyawatan kisah tersebut daripada generasi terdahulu.

Perkara di atas menunjukkan sunnah mengajar konsep ‘kaedah berfikir’ yang sepatutnya iaitu sesuatu pemikiran perlu mempunyai asas dan bukti<sup>36</sup>. Menurut al Jundi, ini adalah merupakan pemikiran yang disarankan Islam, iaitu pemikiran yang didirikan atas asas hakikat-hakikat *akliyah* yang terhasil menerusi realiti yang disaksikan atau realiti yang tidak dapat disangkal oleh pemikiran. Beliau seterusnya mengemukakan nas yang menjelaskan matlamat ‘berjalan di muka bumi’ serta *wasilah-wasilah* yang boleh digunakan untuk mencapai matlamat tersebut iaitu pancaindera dan akal<sup>37</sup>. Ayat tersebut adalah firman Allah:

أَفَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَنَكُونُ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ أَذْانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا  
فَنَهَا لَا تَعْمَلُ الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَلُ الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ

Maksudnya:

“Maka apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, lalu mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat memahami atau mempunyai telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar? Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati yang di dalam dada.”

(al Quran; Surah al Haj: 46)

Keterangan di atas menunjukkan bahawa nas-nas berkenaan sunnah Allah membawa manusia untuk berfikir dengan betul dan bersifat *ilmiah* berdasarkan bukti yang menyentuh pelbagai unsur dalam diri manusia meliputi akal, perasaan dan fitrah. Pemikiran seperti ini seterusnya menolak kepada lahirnya akhlak yang baik selari dengan kehendak Allah. Dari segi lojiknya, pemikiran yang benar ini membantu seseorang untuk memutuskan keputusan yang baik dalam menentukan hala tuju kehidupan dan cara hidup yang baik dan betul berbanding sekiranya beliau salah dalam pemikiran sepertimana ditunjukkan Allah dalam nas di atas. Selain daripada itu, al Quran banyak menjelaskan kehancuran tamadun disebabkan akhlak-akhlak buruk yang bertitik-tolak daripada manusia yang salah dalam

<sup>34</sup> Mohd. Sulaiman Hj Yasin. *Islam Dan Aqidah (satu pengantar)*. Al Omari Sdn. Bhd. Selangor. Cet. 2. 1985. ms: 124.

<sup>35</sup> Rujuk al Quran, Surah Sajadah, ayat 26.

<sup>36</sup> Dr. Muhammad Othman Najati. *Al Quran Wa Ilmu al Nafs*. Dar al Syuruq. Kaherah. Cet. 5. 1993: 148.

<sup>37</sup> *Al Quran wa al Minhaj al Ilmi al Mu'asir*: 32.- dalam penjelasannya beliau menyatakan bahawa pancaindera tersebut adalah pendengaran dan penglihatan manakala akal pula adalah akal dengan erti kata hati serta segala yang berkaitan dengannya iaitu fitrah, malakah dan naluri.

pemikiran mereka. Antaranya al Quran menunjukkan faktor berpegang kepada sangkaan serta taqlid buta terhadap pegangan salah generasi terdahulu merupakan antara titik-tolak penolakan terhadap ajaran yang dibawa oleh para rasul dan seterusnya membawa kepada kehancuran tamadun-tamadun terdahulu seperti kaum Ad<sup>38</sup>, Thamud<sup>39</sup>, kaum Nabi Ibrahim<sup>40</sup>, kaum Nabi Syuaib<sup>41</sup> dan kaum Firaun<sup>42</sup>. Al Khatib dalam ulasannya berkenaan masalah taqlid ini menyatakan bahawa al Quran menunjukkan bahawa taqlid ini bukan sekadar dalam lingkungan kekuatan terhadap Allah semata-mata tetapi menjangkaui kepada perbuatan melakukan perkara-perkara buruk sepetimana disebutkan Allah dalam al Quran, ayat 28, Surah al A'raf. Berdasarkan perkara ini, beliau menyatakan bahawa pegangan yang rosak menghasilkan perbuatan yang rosak<sup>43</sup>. Di samping itu, al Quran juga menjelaskan kerosakan hasil daripada pemikiran yang menolak bukti-bukti kebenaran yang telah diketahui dengan mengistilahkannya sebagai *juhud*. Antara lain al Quran menjelaskan beberapa pendirian salah yang lahir daripada penyakit *juhud* ini antaranya kafir<sup>44</sup>, zalim<sup>45</sup> dan khianat beserta tidak bersyukur (الختار الكفور)<sup>46</sup>. Manakala penyebab kepada *juhud* ini sepetimana yang dijelaskan al Quran dalam nas-nas berkenaan pendirian kaum Ad dan Firaun antaranya ialah *takabbur*<sup>47</sup>, rasa hebat<sup>48</sup>, meninggi diri serta zalim<sup>49</sup> dan mengikut golongan yang salah<sup>50</sup>.

Kesimpulannya, pembentukan pemikiran benar merupakan salah satu elemen yang membawa kepada pembinaan akhlak baik yang menjurus ke arah pembangunan tamadun yang diredhai Allah manakala sebaliknya pula menjurus ke arah akhlak yang membawa kepada keruntuhan tamadun. Seperkara lagi, penjelasan di atas juga menunjukkan bahawa aspek-aspek dalaman lain seperti perasaan dan fitrah juga turut disentuh bagi menolak kepada pembentukan pemikiran benar ini.

### 3.2.2.2. MENGHUBUNGKAN PEMIKIRAN DENGAN AKIDAH<sup>51</sup>

---

<sup>38</sup> Rujuk al Quran, Surah al A'raf, ayat 70.

<sup>39</sup> Rujuk al Quran, Surah Hud, ayat 61-62.

<sup>40</sup> Rujuk al Quran, Surah al Anbiya', ayat 52-53.

<sup>41</sup> Rujuk al Quran, Surah Hud, ayat 87.

<sup>42</sup> Rujuk al Quran, Surah Yunus, ayat 78.

<sup>43</sup> Al Khatib, Jil. 1: 146.

<sup>44</sup> Rujuk al Quran, Surah al Ankabut, ayat 47.

<sup>45</sup> Rujuk al Quran, Surah al Ankabut, ayat 48-49.

<sup>46</sup> Rujuk al Quran, Surah Luqman, ayat 32.

<sup>47</sup> Rujuk al Quran, Surah al Ahqaf, ayat 26.

<sup>48</sup> Rujuk al Quran, Surah Fussilat, ayat 9-15.

<sup>49</sup> Rujuk al Quran, Surah al Naml, ayat 12-14.

<sup>50</sup> Rujuk al Quran, Surah Hud, ayat 59.

<sup>51</sup> Akidah menurut Sulaiman Yasin adalah kepercayaan atau keimanan kepada hakikat-hakikat dan nilai-nilai mutlak, yang tetap dan kekal, yang pasti dan hakiki lagi *qudus* dan suci seperti yang diwajibkan Islam; iaitu kepercayaan yang tersimpul dengan kukuh dan teguh dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terurai atau tertutup walau oleh apa-apa jua suasana dan keadaan.(Sulaiman Yasin: 248)

Nas-nas berkenaan sunnah Allah ini bukan sekadar membawa manusia untuk menggunakan akal dan pemikiran dengan berfikir, meneliti dan mengkaji dalil-dalil dan bukti yang dibentangkan Allah dalam lingkungan permukaan sahaja tetapi ia membawa kepada pemikiran yang mendalam sehingga kepada penyelarasan akal dan pemikiran itu dengan akidah. Sebagai contohnya, sunnah kejatuhan tamadun membawa manusia melihat dan mengakui kehebatan kekuasaan Allah seterusnya mengitbat ketuhananNya serta menafikan sebarang sifat kelemahan padaNya. Antara contoh-contoh nas berkaitan sunnah Allah yang berkenaan adalah nas berkaitan sunnah kejatuhan tamadun atau pun istilah yang lebih tepat iaitu *sunnah al Iqab* (sunnah hukuman) yang telah berlaku terhadap kaum Nabi Lut. Didapati bahawa selepas al Quran menceritakan kisah kaum ini, ia diakhiri dengan firman Allah dalam ayat 74-76, Surah al Hijr seperti berikut:

فَجَعَلْنَا عَلَيْهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ حَجَرَةً مِنْ سُجِيلٍ فِي ذَلِكَ لَذِيَّاتٍ لِلْمُتَوَسِّمِينَ وَانَّهَا لَبِسْبَيلٍ مُقِيمٍ

Maksudnya:

“Maka Kami jadikan bahagian atas kota itu terbalik ke bawah dan Kami hujani mereka dengan batu dari tanah yang keras. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang memperhatikan tanda-tanda. Dan sesungguhnya kota itu benar-benar terletak di jalan yang masih tetap (dilalui manusia)”

Ibnu Kathir menyatakan bahawa ayat di atas menjelaskan bahawa tanda-tanda kekuasaan Allah yang ditunjukkan menerusi kisah tersebut di atas mampu diketahui oleh mereka yang mengkaji dan meneliti peristiwa tersebut. Seterusnya beliau menyatakan bahawa kota yang dihancurkan itu dijelaskan secara terperinci kepada manusia untuk diteliti menerusi kenyataan (وانها لبسيل مقيم). Ia merupakan kota Sadum yang telah bertukar menjadi sebuah tasik yang besar dan kekal boleh dilihat sehingga hari ini<sup>52</sup>. Dalam ayat yang lain iaitu ayat 137-138, Surah al Soffat, Allah mengulangi berkenaan kedudukan tempat tinggalan kota kaum Nabi Lut ini beserta dengan gesaan agar berta’akul. Menerusi nas ini, al Quran mencabar manusia menggunakan daya akal dengan melihat bukti-bukti hakikat kebenaran akidah yang dipaparkan menerusi kisah tersebut. Ini adalah disebabkan kisah-kisah yang dikemukakan al Quran bukanlah semata-mata untuk mengitbatkan sejarah tetapi lebih kepada bertujuan untuk mengitbatkan persoalan aqidah<sup>53</sup>. Ditambah pula manusia telah dijadikan dalam keadaan mempunyai keupayaan akal yang mampu untuk menerima akidah yang benar dan seterusnya menjadikannya sebagai asas dalam pembinaan akhlak dan

<sup>52</sup> Ibnu Kathir. Jil. 2: 611.

<sup>53</sup> Abdul Ghani Abbud & Hasan Ibrahim Abdul Al. *al Tarbiyah al Islamiyah wa Tahaddiyat al Asr*: 156.

keperibadian. Dalam hal ini, Sulaiman Yasin berkata bahawa akal sekiranya waras, siuman, jujur dan benar-benar bertanggungjawab dapat memahami, mempersepsi dan membuktikan kebenaran akidah walaupun tidak dapat sampai kepada menggambarkannya dengan setepat-tepatnya<sup>54</sup>. Oleh itu, tindakan manusia menyahut seruan dan cabaran menggunakan akal seperti di atas dapat membawa pemikiran mereka melihat bukti-bukti tersebut sehingga mencecah kepada menjawab persoalan-persoalan berkaitan aqidah. Ini adalah disebabkan kelebihan yang diberikan Allah kepada manusia ialah mereka secara fitrah akan cenderung kepada kekuatan tertinggi yang bersifat *rububiyah*<sup>55</sup> di samping akal mereka juga secara fitrahnya tidak akan melihat sesuatu ciptaan dan sistem melainkan ia akan mempersoalkan berkenaan siapakah yang menciptanya dan siapakah yang menyusun sistem ini<sup>56</sup>. Seterusnya dengan terbentuknya aqidah ini ia secara tidak langsung menggerakkan seseorang kepada tindakan-tindakan yang selari dengan tuntutan akidah tersebut sehingga peringkat menjadi sebagai akhlak yang dihayati. Ini adalah disebabkan amal adalah merupakan aspek perlaksanaan kepada aqidah itu sendiri. Aqidah yang merupakan unsur dalaman akan kekal terpenjara dalam hati selagi mana ia tidak diterjemahkan dalam bentuk amal dan perlakuan dalam medan praktikal<sup>57</sup>.

Kesimpulannya, nas-nas berkenaan sunnah Allah membawa manusia kepada menghubungkan pemikiran dengan akidah yang merupakan asas kepada pembinaan akhlak yang kukuh. Perkara ini merupakan suatu lumrah dalam pembangunan mana-mana masyarakat dan tamadun cuma ia menggunakan istilah yang berbeza. Antara istilah tersebut ialah seperti ideologi, nilai dan sebagainya. Walaupun begitu, akidah Islam merupakan asas yang paling kukuh dalam pembinaan akhlak dan tamadun manusia berbanding yang lain.

### **3.2.2.3. MENGERAKKAN PEMIKIRAN SEHINGGA PERINGKAT /QNA'**

Secara umumnya al Quran menjelaskan persoalan sunnah Allah ini secara berkali-kali dan dalam pelbagai bentuk bagi menunjukkan kepentingannya yang besar kepada manusia. Al Khatib menyatakan kepelbagaiannya bentuk dan *uslub* yang diketengahkan al Quran dalam menjelaskan sunnah ini adalah untuk mengukuhkan pemikiran dan perasaan manusia

<sup>54</sup> Sulaiman Yasin: 252.

<sup>55</sup> Muhammad Khalil Harasy menyatakan persoalan *Tauhid Rububiyah* iaitu mengesakan ketunggalan Allah dalam perkara-perkara bersifat rububiyah seperti Allah sebagai pencipta, pemberi rezeki, pentadbir alam dan sebagainya adalah merupakan suatu fitrah manusia yang hampir-hampir tidak disanggah oleh manusia termasuk golongan musyrik. Beliau juga ada membahaskan bagaimana aqidah penganut ajaran syirik seperti Kristian, majusi dan sebagainya hakikatnya berpegang kepada pegangan ini. (Muhammad Khalil Harasy. *Dakwah al Tauhid: Usuluha, al Adwar allati Marrat biha, Masyahir Du'atiha*. Maktabah Ibnu Taimiyah. Kaherah. Cet. 1. 1987: 29-31).

<sup>56</sup> Abdul Halim al Jundi. *Al Quran wa minhaj al ilmi al Mu'asir*. Dar al Ma'arif. 1984. kaherah: 31.

<sup>57</sup> Taufiq Muhammad Sab'. *Qiam al Hadhariah Fi al Quran al Karim*. Jil. 2. kaherah. Majmu'ah al Buhuth al Islamiyah. 1972: 214.

terhadapnya sehingga mereka dapat menjalani kehidupan di dunia menepati sunnah Allah yang sepatutnya dengan menelusuri jalan hidayah, kemenangan dan kekuatan serta menjauhi jalan kesesatan, kelemahan dan kekalahan<sup>58</sup>. Menurut al Jundi, sunnah Allah terhadap masyarakat manusia itu sendiri adalah antara *uslub* yang dikemukakan untuk mendatangkan rasa *iqna'* iaitu keyakinan yang menghadirkan rasa redha yang tidak dapat diganggu-gugat sehingga melahirkan tindakan selari dengan apa yang direhma dan diterima tersebut secara rela dan bukan paksaan<sup>59</sup>.

Berhubung perkara di atas, al Nahlawi menyatakan bahawa manusia secara adatnya akan cenderung kepada *suluk* yang diredhainya berdasarkan rasa *qana'ah* daripada pemikiran, naluri dan perasaannya<sup>60</sup>. Manakala Muhammad Haisyur pula mengaitkan kepentingan rasa *iqna'* dalam pembentukan akhlak menerusi kenyataannya bahawa *iqna'* sebagai asas kepada tingkah laku yang lahir menerusi hati yang penuh redha dan taat berbanding peraturan yang kebiasaannya berasaskan paksaan dan tekanan. Kepentingannya terserah menerusi perjalanan sejarah yang menunjukkan bahawa setiap tamadun bangkit menerusi ikatan akhlak dan bukan ikatan peraturan<sup>61</sup>. Bahkan akhlak lebih ampuh dalam memberi kesan kepada jiwa manusia berbanding peraturan<sup>62</sup>.

Kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan bahawa sunnah Allah yang dikemukakan al Quran sedemikian rupa serta mampu memberikan rasa *iqna'* kepada mereka yang menelitiinya ini bukan sekadar ilmu untuk disematkan dalam lingkungan akal dan pemikiran bersifat luaran sahaja tetapi ia membawa sehingga kepada pemikiran yang mendalam iaitu *taakul*, seterusnya membina aspek *iradah* dalam diri manusia. Menerusi pendekatan seperti ini, ia secara tidak langsung menjurus ke arah pembentukan akhlak iaitu tindakan dan perbuatan spontan yang lahir daripada jiwa hasil tolakan daripada apa yang ada dalam jiwa itu sendiri. Dalam ertikata yang lain, ia bertujuan melahirkan akhlak manusia yang bertitik-tolak daripada aqidah itu sendiri. Ini adalah disebabkan, pendekatan di atas selari dengan pendekatan pembinaan aqidah yang tidak cukup sekadar berlebar dalam lingkungan akal sahaja tetapi perlu diikuti dengan unsur *iradah* yang bermakna kemauan dengan penuh kerelaan hati untuk menerima dan tunduk patuh kepada hakikat-hakikat keimanan yang telah pun diakui oleh akalnya atau diketahui dengan sedar akan kebenarannya. Sekiranya seseorang menerima dengan akal tetapi tiada kerelaan maka ia tidak dikira sebagai iman yang sah<sup>63</sup>.

---

<sup>58</sup> Al Khatib (1): 44.

<sup>59</sup> Abdul Halim al Jundi: 30.

<sup>60</sup> al Nahlawi: 205

<sup>61</sup> Muhammad Haisyur: 197.

<sup>62</sup> Muhammad Haisyur: 39.

<sup>63</sup> Sulaiman Yasin: 256

Kesimpulannya, proses menggempur pemikiran sehingga kepada peringkat pembentukan akhlak pembina tamadun yang boleh dipetik daripada nas-nas berkenaan sunnah Allah ini adalah merujuk kepada proses pengukuhan aqidah dalam diri manusia sehingga sebatи dan melahirkan hasilnya dalam bentuk akhlak yang sepatutnya. Tindakan mengukuhkannya ini bermaksud mengukuhkan asas kepada akhlak itu sendiri. Ini adalah disebabkan kekuahan asas akan melahirkan hasil yang kukuh tetapi jika sebaliknya ia hanya menghasilkan akhlak yang lemah dan tidak mampu menghadapi cabaran dalam membangunkan tamadun manusia. Asas yang dapat disimpulkan di sini adalah aqidah atau iman itu sendiri.

### **3.2.2. PROSES PEMBINAAN AKHLAK BERSIFAT PRAKTIKAL**

Proses pembinaan akhlak bersifat praktikal ini merujuk kepada keadaan, suasana dan persekitaran yang berlaku secara praktikal yang dilalui oleh sesuatu masyarakat manusia yang termasuk dalam kategori ditentukan Allah sama ada menuju kepada kejatuhan atau kebangunan tamadun itu sendiri yang memberi kesan kepada pembentukan akhlak manusia. Ini adalah disebabkan Sunnah Allah yang dipaparkan menerusi al Quran merupakan suatu yang bersifat '*jariah*' (berterusan) dan bukan terhenti setakat peristiwa-peristiwa atau keterangan-keterangan yang tercatat di dalam al Quran sahaja<sup>64</sup>. Sebagai contohnya kisah pertembungan antara Adam dan syaitan yang merupakan sebahagian daripada sunnah pertembungan di antara kebenaran dan kebatilan dalam al Quran bukan terhenti setakat baginda sahaja bahkan pertembungan ini berterusan kepada generasi manusia seterusnya, selari dengan realiti yang ditunjukkan al Quran<sup>65</sup>.

Berdasarkan perkara ini, sunnah jatuh dan bangun tamadun yang dipaparkan al Quran meliputi ketentuan-ketentuan dan peristiwa-peristiwa di sebaliknya akan terus berjalan dalam kehidupan manusia pada hari ini dan akan datang. Sehubungan dengan itu, kajian ini melihat perjalanan sunnah Allah ini secara praktikal adalah merupakan sebahagian daripada proses pembinaan akhlak manusia bagi membangunkan tamadun manusia mengikut acuan yang sepatutnya. Kenyataan ini boleh dilihat menerusi nas-nas yang berkenaan yang menggambarkan bahawa di sebalik kejayaan sesebuah tamadun adalah ketentuan Allah dalam bentuk keadaan dan persekitaran yang berbentuk proses diri manusia seperti penindasan, kepayahan hidup, peperangan, dipimpin oleh golongan yang tidak beriman serta zalim, perubahan keadaan antara susah dan senang dan sebagainya terlebih dahulu sebelum mencapai hasil akhirnya. Begitu juga al Quran menunjukkan peristiwa-peristiwa

<sup>64</sup> Penjelasan perkara ini telah diterangkan dalam bab kedua.

<sup>65</sup> Abdul Ghani Abbud & Hasan Ibrahim Abdul Al. *al Tarbiyah al Islamiyah wa Tahaddiyat al Asr*: 159.

tertentu dalam bentuk *hukum al kauni* mendahului *sunnah al Iqab* yang diturunkan kepada sesebuah kaum. Bahkan al Quran juga menceritakan ada di antara kaum yang berubah sebelum melalui kemuncak *sunnah al Iqab* selepas mereka tersedar daripada kesilapan hasil seruan para rasul disertai dengan peristiwa-peristiwa tertentu yang telah mereka lalui<sup>66</sup>.

Kenyataan di atas diperkuatkan dengan pandangan beberapa sarjana, antaranya Dr. Yusuf al Qardhawi<sup>67</sup> dalam tafsirannya terhadap ayat 41, Surah al Rum, menyatakan bahawa fenomena kerosakan yang berlaku di muka bumi ini antara lainnya adalah sebagai pendidikan dan peringatan secara terus daripada Allah kepada manusia dan bukan sebagai pembalasan dendam. Ia bertujuan agar manusia yang berkenaan dapat kembali kepada landasan hidup yang sepatutnya. Seterusnya beliau menyatakan sekiranya manusia tidak mengambil pengajaran dan tidak kembali kepada jalan yang sepatutnya dengan membiarkan diri dipandu oleh kejahanatan maka apa yang akan berlaku ialah mereka akan menuju ke arah kehancuran. Oleh kerana itu, sebagai kesimpulannya, keterangan di atas secara umum menunjukkan suasana, persekitaran dan keadaan tertentu yang berlaku menerusi ketentuan sunnah Allah antara lainnya bertujuan mendidik manusia agar berakhlik dengan akhlak tertentu.

### **3.2.2.1. PERINCIAN PROSES PENDIDIKAN AKHLAK BERBENTUK PRAKTIKAL**

#### **3.2.2.1.1. KESUKARAN SEBELUM JATUH ATAU BANGUN SESEBUAH TAMADUN SEBAGAI PROSES PENDIDIKAN AKHLAK**

Kesukaran adalah sebahagian daripada ujian yang diturunkan Allah kepada manusia dengan hikmah-hikmah tertentu. Ia didatangkan dalam pelbagai bentuk kesusahan seperti musibah terhadap harta, jiwa dan juga hasil tanaman, masalah kesihatan dan kehilangan anggota tubuh badan, kemarau, kemiskinan, kelaparan, rasa dukacita, takut dan sebagainya. Berhubung kesukaran ini, al Quran menjelaskan bahawa ia adalah merupakan realiti yang perlu dilalui oleh kesemua manusia sejak permulaan sehingga akhir kehidupannya sepertimana disebutkan dalam firman Allah, ayat 4, Surah al Balad:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي كُلِّ ذُرْعٍ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia berada dalam susah payah.”

<sup>66</sup> Al Quran menjelaskan keadaan ini berlaku kepada kaum Nabi Yunus dalam Surah Yunus, ayat 98.

<sup>67</sup> Dr. Yusuf al Qardawi. *Al Sunnah. Masdarun li al Ma'rifah wa al hadharah*. Dar al Syuruq. Cet. 2. 1998. Kaherah: 207.

Dalam konteks kajian ini, kesukaran ini difokuskan kepada kesukaran-kesukaran yang didatangkan Allah kepada manusia di sebalik sunnah jatuh dan bangun tamadun sebagai proses pendidikan untuk menghubungkan mereka dengan *ubudiyah* yang sepatutnya seterusnya menghayati akhlak-akhlak yang menjurus ke arah pembinaan tamadun yang sepatutnya<sup>68</sup>. Ini adalah disebabkan, antara tabiat kesukaran adalah ia melahirkan kekuatan jiwa serta menguatkan roh melawan di kalangan umat manusia.

Oleh kerana itu, dalam konteks sunnah berkaitan jatuh dan bangun tamadun yang dikemukakan al Quran, kita dapat melihat nas-nas yang berkenaan menunjukkan bahawa Allah mendatangkan kesukaran terlebih dahulu kepada sesuatu umat yang telah berpaling daripada landasan Allah sebelum diturunkan rasul kepada mereka<sup>69</sup>. Ia antara lainnya bertujuan untuk menghidupkan hati serta menyingkir penyakit-penyakit yang terdapat padanya. Ini adalah disebabkan kesukaran dan kesakitan merupakan pembersih dan pendidik jiwa dan roh di samping sebagai agen terbaik bagi membangkitkan kebaikan yang tertanam di dalam diri manusia<sup>70</sup>. Perkara ini boleh dilihat dengan lebih jelas dalam nas-nas yang khusus berkenaan jatuh dan bangun tamadun itu sendiri. Sebagai contohnya dalam konteks nas-nas berkenaan sunnah kejatuhan tamadun, kita boleh melihat al Quran menunjukkan bahawa kesukaran didatangkan sebelum daripada kehancuran berlaku terhadap sesuatu umat sebagai peringatan terakhir kepada mereka<sup>71</sup>. Manakala dalam konteks nas-nas berkenaan kebangunan tamadun pula, antara lainnya seperti realiti kesukaran yang terpaksa dihadapi oleh Bani Israel di bawah pimpinan Nabi Musa sebelum mereka mencapai *sunnah warathat al ard* dan *al istikhlaif*<sup>72</sup>.

Persoalan kesukaran sebagai proses yang dapat melahirkan akhlak yang diperlukan dalam pembinaan tamadun juga disentuh oleh Arnold Toynbee dan Ibnu Khaldun. Sebagai contohnya, Arnold Toynbee melihat bahawa kesengsaraan hidup merupakan punca utama yang melahirkan tamadun yang tinggi. Beliau menyatakan bahawa penderitaan hidup telah merangsangkan manusia untuk mencari jalan bagi membebaskan diri daripada belenggu tersebut. Tambahan pula ia juga memberikan kekuatan dari segi mental dan fizikal untuk menemui pencapaian baru<sup>73</sup>. Ibnu Khaldun pula ketika membicarakan faktor-faktor lahirnya sesebuah daulah telah menjelaskan berkenaan peranan *asobiyah* yang melahirkan akhlak-akhlak tertentu terutama sekali akhlak-akhlak yang menjurus ke arah memperolehi kekuasaan. Beliau berpandangan bahawa *asobiyah* yang melahirkan akhlak-akhlak tertentu ini semakin pudar selari dengan jauhnya mereka daripada era *badwi* dan ciri-ciri utamanya

<sup>68</sup> Rujuk al Quran, Surah al A'raf, ayat 96.

<sup>69</sup> Rujuk al Quran, Surah al A'raf, ayat 94-95.

<sup>70</sup> Muhammad Haisyur: 223.

<sup>71</sup> Rujuk al Quran, Surah al Haqqah, ayat 5-6.

<sup>72</sup> Al Qurtubi, Jil. 7: 263.

<sup>73</sup> Sivachandralingam Sundara Raja & Ayadurai Letchumanan. *Tamadun Dunia*. Fajar Bakti. Ed. 2. 2001: xi

serta dekatnya mereka dengan unsur-unsur *al tarf* yang dimiliki oleh golongan yang bertamadun. Sampai satu peringkat ia akan hilang terus dan serentak dengan itu akhlak-akhlak tersebut juga hilang dan digantikan dengan akhlak-akhlak tertentu terbitan daripada penyakit *al tarf* dan seterusnya membawa masyarakat ini kepada kehancuran<sup>74</sup>. Penjelasan ini secara tidak langsung menunjukkan kesukaran dalam kehidupan boleh menjadi sebagai proses melahirkan akhlak tertentu yang diperlukan dalam pembinaan tamadun menerusi realiti kehidupan badwi yang lebih terdedah kepada kesukaran berbanding era tamadun yang penuh dengan kesenangan dan kemewahan.

Kesimpulannya, penjelasan di atas menunjukkan bahawa kesukaran yang dihadapi oleh manusia dapat membentuk suatu kekuatan tertentu dari dalam diri mereka sehingga menggerakkan kepada perubahan positif sehingga menghasilkan kejayaan di akhirnya. Inilah merupakan sunnah Allah yang terus berjalan sebagai suatu proses melahirkan akhlak pembina tamadun menerusi rangsangan persekitaran dan keadaan yang mereka hadapi. Walaupun begitu, akhlak yang sepatutnya lahir bukan sekadar dalam lingkungan alam kebendaan sahaja tetapi sunnah Allah menggerakkan manusia kepada lebih jauh daripada itu iaitu sehingga peringkat akhlak yang ada hubungan dengan pencipta dan penguasa agung kepada tamadun manusia iaitu Allah. Akhlak seperti ini sahaja yang dapat menjamin perjalanan tamadun berada di atas landasan yang sepatutnya seterusnya menjamin keharmonian masyarakat manusia.

### **3.2.2.1.2. KESENANGAN DAN KESUKARAN BERSILIH GANTI DI SEBALIK SUNNAH JATUH DAN BANGUN TAMADUN SEBAGAI PROSES PENDIDIKAN AKHLAK**

Silih berganti antara susah dan senang ini adalah bermaksud keadaan yang berubah daripada senang kepada susah atau sebaliknya dalam perjalanan sesebuah tamadun. Ada kalanya perubahan ini dapat dilalui oleh masyarakat dalam tamadun tersebut tetapi tidak secara sepenuhnya disebabkan sunnah ini berjalan dengan kiraan umur tamadun dan bukan umur individu manusia. Dr. Yusuf al Qardhawi menyatakan, menerusi sunnah berbentuk penggiliran ini dapat difahami bahawa golongan miskin tidak akan selama-lamanya miskin, kaya tidak selama-lamanya kaya, kuat tidak selama-lamanya kuat dan berkuasa juga tidak selamanya berkuasa<sup>75</sup>.

---

<sup>74</sup> Ibnu Khaldun. Tahqiq: Suhail Uthman & Muhammad Darwish. *Min Muqaddimah Ibni Khaldun: al Siyasat wa al Iqtisod. Mansyurat Wizarat al Thaqafah wa al Irsyd al Qaumi*. Damsyik. 1978 : 61-70.

<sup>75</sup> Yusuf al Qardhawi. Pent. Arsil Ibrahim. *Islam teras tamadun masa depan*. Penyunting- Mohd. Sidin ahmad ishak phd. Institute terjemahan negara. KI 1988. cet. 1: 166-167.

Keadaan silih berganti kesusahan dan kesenangan ini secara umum ditunjukkan al Quran sebagai sebahagian daripada pendidikan daripada Allah bagi membawa manusia kepada matlamat kehidupan yang sebenar seterusnya mencapai matlamat berakhlak dengan akhlak yang mampu membangunkan tamadun mengikut acuan Allah itu sendiri. Antara contoh yang boleh dilihat ialah kisah-kisah beberapa tamadun silam dalam Surah al A'raf, ayat 94-95 yang menghadapi keadaan silih berganti antara susah dan senang dan berakhir dengan kehancuran. Firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَا فِي قَرْيَةٍ مِّنْ نَبِيٍّ إِلَّا أَخْذَنَا أَهْلَهَا بِالْأَيْسَاءِ وَالضُّرَاءِ لِعِلْمِهِمْ يَضْرِبُونَ . ثُمَّ بَدَلْنَا مَكَانَ السَّيِّئَةِ الْحَسِنَةَ حَتَّىٰ عَفَوْا وَقَالُوا قَدْ مَسَ أَبْعَادُنَا الضُّرَاءِ وَالسَّرَّاءِ فَأَخْذَنَا هُمْ بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ .

Maksudnya:

“Kami tidaklah mengutus seorang nabi pun kepada sesuatu negeri, (lalu penduduknya mendustakan nabi itu), melainkan Kami timpakan kepada penduduknya kesempitan dan penderitaan supaya mereka tunduk dengan merendahkan diri. Kemudian Kami ganti kesusahan itu dengan kesenangan hingga keturunan dan harta mereka bertambah banyak, dan mereka berkata: Sesungguhnya nenek moyang kami pun telah merasai penderitaan dan kesenangan. Maka Kami timpakan siksaan atas mereka dengan sekonyong-konyong sedang mereka tidak menyadarinya.”

Ibnu Kathir menyatakan bahawa ayat di atas ini adalah penjelasan kepada kehancuran umat-umat silam yang disebutkan sebelum ini iaitu kaum Nabi Nuh, kaum Ad, kaum Thamud, kaum Nabi Syuaib dan kaum Nabi Lut. Nas di atas menunjukkan sebelum datangnya kehancuran, mereka terlebih dahulu diuji dengan kesusahan dalam bentuk yang pelbagai. Apabila mereka tidak memberikan tindak balas yang sepatutnya iaitu dalam bentuk merendah diri kepada Allah, lalu didatangkan kepada mereka ujian dalam bentuk kesenangan pula supaya mereka bersyukur terhadap segala nikmat yang diberikan Allah kepada mereka. Walaupun begitu, mereka tidak mengambil iktibar daripada apa yang dihadapi malahan mengaitkan susah dan senang itu sebagai sebahagian daripada rencam kehidupan dan tiada kaitan dengan keperluan untuk kembali kepada jalan Allah<sup>76</sup>. Dalam ayat seterusnya (Surah al A'raf, ayat 96)<sup>77</sup>, Allah menjelaskan tindakan yang sepatutnya diambil oleh mereka iaitu beriman dalam erti kata sebenar bagi mengelakkan datangnya kehancuran dan diberikan kehebatan berganda lebih daripada apa yang telah berjaya mereka kecapi pada ketika itu. Walaupun begitu, mereka terus mengingkari kebenaran sehingga akhirnya ditimpa kehancuran.

<sup>76</sup> Ibnu Kathir. 2/ 260.

<sup>77</sup> Telah dijelaskan ayat ini sebelum ini.

Perjalanan sunnah Allah terhadap umat terdahulu seperti tersebut di atas jelas menunjukkan bagaimana pertukaran kesusahan kepada kesenangan dalam kehidupan adalah sebahagian daripada perencanaan Allah agar manusia dapat kembali kepada jalan kehidupan yang sepatutnya iaitu dengan menjadikan keimanan sebagai asas kepada kehidupan. Perkara ini dijelaskan Allah dengan lebih terperinci menerusi nasnya berkenaan keadaan yang menimpa Bani Israel dalam bentuk susah dan senang<sup>78</sup> yang silih berganti dengan disebutkan tujuan di sebaliknya iaitu untuk membawa mereka kembali kepada kebenaran<sup>79</sup>. Manakala dalam nas berkenaan Firaun dan kaumnya pula Allah menunjukkan perubahan susah dan senang ini didatangkan secara berkali-kali juga bagi membawa mereka kembali ke jalan yang sepatutnya<sup>80</sup>. Walaupun begitu, fenomena perubahan susah dan senang ini sekiranya tidak memberi kesan kepada perubahan pendirian dalam bentuk kekufturan kepada keimanan malahan semakin jauh dalam kesesatan bakal membawa kepada ketentuan *sunnah al istidraj*<sup>81</sup>. Ia menunjukkan bahawa apabila pendidikan secara terus daripada Allah tidak diambil peduli oleh manusia maka ia berubah menjadi suatu hukuman kepada mereka dengan menghadapi *sunnah al Iqab* di penghujung perjalanan sesebuah tamadun<sup>82</sup>.

Berdasarkan keterangan di atas, ia menunjukkan bahawa silih berganti susah dan senang ini merupakan sebahagian daripada pendidikan daripada Allah bagi mengembalikan manusia kepada jalan yang benar seterusnya menghayati akhlak yang sepatutnya. Ia menunjukkan bagaimana Allah memberi peluang yang banyak kepada manusia untuk memilih jalan yang sepatutnya dalam kehidupan menerusi pelbagai pendekatan yang menyentuh kesemua keupayaan yang membawa mereka kepada mengesan kebenaran seperti pancaindera, akal, perasaan dan fitrah di samping medan yang tersedia untuk mempraktikkan akhlak yang sepatutnya. Perkara yang perlu dilakukan manusia adalah membuat pilihan yang betul berdasarkan peluang yang telah dibentangkan dan seterusnya menterjemahkannya dalam bentuk perbuatan dan tindakan.

## 4.0. KESIMPULAN DAN CADANGAN

### 4.1. KESIMPULAN

Kesimpulannya sunnah Allah berkaitan jatuh dan bangun tamadun merupakan salah satu daripada proses pendidikan yang dikemukakan Allah untuk membawa manusia kepada

<sup>78</sup> Ibnu Kathir menyatakan susah dan senang dalam ayat di atas bermaksud mereka diuji dengan senang, gembira, takut, tenang dan bala daripada Allah (Ibnu Kathir. 2/289)

<sup>79</sup> Rujuk al Quran, Surah al A'raf, ayat 168.

<sup>80</sup> Ibnu Kathir. Jil. 2: 267-270.

<sup>81</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan: 234.

<sup>82</sup> Rujuk al Quran, Surah al An'am, ayat 42-45.

matlamat kejadian manusia itu sendiri iaitu beribadah dan menjalankan tugas sebagai khalifah. Dalam konteks kajian ini, ia sebagai mekanisme yang membangunkan akhlak manusia yang dapat membangunkan tamadun mengikut acuan Allah. Antara lain peranannya sebagai mekanisme pembangunan akhlak itu boleh dilihat menerusi dua aspek. Pertama, kedudukannya sebagai panduan daripada Allah dalam bentuk ilmu yang boleh diaplikasi dalam pembinaan akhlak. Kedua, ia sebagai proses pendidikan secara terus daripada Allah bersifat praktikal yang menyentuh segala keupayaan manusia yang telah disediakan Allah seperti akal, perasaan, naluri dan fitrah supaya memberi tindak balas yang sepatutnya kepada proses ini. Dalam hal ini, kedua-dua aspek ini adalah saling diperlukan oleh manusia bagi menghasilkan keputusan yang sepatutnya iaitu akhlak pembina tamadun. Tulisan ini juga menunjukkan bahawa di sebalik sunnah Allah ini terserah keperluan kepada para rasul atau mereka yang menjalankan tugas rasul untuk menyampaikan kepada manusia berkenaan persoalan sunnah Allah ini. Ini adalah disebabkan, sunnah Allah ini adalah merupakan ilmu dan proses pendidikan yang bersumber daripada wahyu manakala wahyu pula tidak dapat diketahui oleh seseorang sekiranya ia terpisah daripada wahyu itu sendiri. Oleh itu, rasul atau mereka yang boleh memainkan peranan rasul itu penting bagi memastikan manusia dapat mengambil manfaat daripada sunnah Allah ini seterusnya menghayati akhlak yang sepatutnya.

Selain daripada itu, pembangunan akhlak menerusi sunnah Allah ini menunjukkan bahawa pembentukan akhlak bukan suatu yang berlaku secara spontan tetapi ia mempunyai peraturan tertentu yang perlu dipatuhi iaitu peraturan berdasarkan kanun sebab-musabab. Kesemua elemen-elemen pembangunan akhlak di sebalik sunnah ini adalah merupakan sebab-sebab yang dibentangkan Allah kepada manusia untuk diberikan tindak balas yang sepatutnya. Sekiranya sebab-sebab ini tidak dilaksanakan oleh manusia maka musabab iaitu akhlak yang sepatutnya tidak akan lahir.

#### **4.2. CADANGAN UNTUK PROGRAM PENDIDIKAN AKHLAK PADA HARI INI:**

1. Penawaran pembelajaran yang menghubungkan antara nas dan realiti semasa dalam kehidupan pelajar.
2. Penawaran pembelajaran pendidikan akhlak dengan merujuk kepada nas-nas berkenaan sunnah Allah berkaitan jatuh dan bangun tamadun manusia.
3. Menghubungkan pengajian pendidikan akhlak dengan elemen-elemen yang membangunkan akhlak yang sepatutnya. Dalam masa yang sama mengikut kronologi pembangunan akhlak yang telah ditunjukkan menerusi nas-nas berkenaan sunnah Allah.

4. Menyediakan medan praktikal untuk membangunkan akhlak yang diperlukan dalam menghadapi dunia semasa. Mendedahkan pelajar kepada cabaran-cabaran yang dapat menjana pembentukan akhlak yang sepatutnya.
5. Menyediakan suasana pembelajaran yang merangsang pelajar untuk berfikir dengan lebih mendalam sepertimana yang digerakkan oleh nas-nas sunnah. Serta berikan tips-tips bagi menghubungkan pemikiran dengan aqidah.
6. Pendedahan akhlak-akhlak yang sepatutnya dan akhlak yang tidak sepatutnya sebagai penjelasan berkenaan tindakan dan sempadan yang perlu dijadikan benteng dalam kehidupan pelajar.

## RUJUKAN

- Dr. Muhammad Ibrahim al Hafnawi. *Dirasat fi al Quran al Karim*. Dar al Hadith. Kaherah.
- Audah, Abdul Kadir. *Al Tasyri' al Jina'e al Islami Muqaranan bi al Qanun al Wad'ie*. Muassasah al Risalah. Beirut. 1992.
- Dr. Syarif al Syeikh Soleh Ahmad al Khatib. *Al Sunan al Ilahiyyah Fi al Hayah al Insaniyyah Wa Athar al Iman Biha Fi al Aqidah Wa al Suluk*. Dar al Uthmaniyyah. Amman, Jordan. 2004.
- Abd al Salam Ibn Nasr Allah al Syarif. Sunnatullah fi Iqab al Ummah Fi al Quran al Karim. Dar al Ma'arif al Dauliyah. Riyadh. 1994.
- Dr. Abdul Karim Zaidan. *Al Sunan al Ilahiyyah Fi al Ummah Wa al Jam'at Wa al Afrad Fi al Syari'ah al Islamiyah*. Muassasah al Risalah. Beirut. Cet. 3. 1994.
- Muhamad Haisyur. *Sunan al Quran Fi Qiam al Hadharat Wa Suqutiha*. Dar al Wafa'. Cet. 1. Mansurah. 1997.
- Mu'jam al Asasi
- *Mu'jam al Wasit*. Majma' al Lughah al Arabiyah. Kaherah. Jil. 1. 1960
- Al Syaukani, al Imam al Hafiz Muhammad Ali. *Irsyad al Fuhul Ila Tahqiq al Haq Min Ilmi al Usul*. Dar al Kutubi. Kaherah. 1992. Jilid 1.
- Ibnu Manzur, Muhammad Ibnu Mukarram. *Lisan al Arab*. Matba'ah al Misriyyah. Kaherah. 1966.
- al Qurtubi, Abu Abdullah Ibn Muhammad Ahmad al Ansari. *Al Jam'i Li Ahkam al Quran*. Al Hai'ah al Masriyah al Ammah Li al Kitab. Mesir. 1987. jilid 4.
- Ibnu Kathir. *Tafsir al Quran al Karim*. Dar al Khair. Jil. 1. Beirut. 1991.
- Abdul Ghani Abdul Khaliqu. *Hujjiyah al Sunnah*. Dar al Wafa'. Mansurah. 1993. cet. 2.
- Dr. Muhammad Mansur. *Al Mukhtasar al Mufid Fi Tarbiyah al Nafs*. Dar al Tauzi' wa Nashr al Islamiyah. Mesir (medan Sayyidah Zainab). 1998. cet. 2.
- Dr. Abd. Ghani Abud& Dr. Hassan Ibrahim Abdul Aal. *Al Tarbiyah al Islamiyah wa Tahaddiyat al Mu'asir*.
- Dr. Ya'akub Hussain Syawwat. *Al Minhaj al Tarbawi Min Manzur Islami*. Dar al Furqan. Cet. 1. 1992
- Yalijin, Miqdad: *Daur al Tarbiyah al Akhlakiah al Islamiyah Fi Bina' al Fardi wa al Mujtama' wa al Hadharah al Insaniah*. Dar al Syuruq. Beirut cet. 1. 1983
- Darraz, Dr Muhammad Abdullah. *Dustur al akhlak fi al Quran: Dirasah Muqarannah Li al Akhalq al Nazoriyah fi al Quran*. Muassasah al Risalah. Cet. 10. 1998. beirut
- al Nahlawi. *al Tarbiyyah bi al Ayat*. Dar al Fikri al Mu'asir. Beirut. Cet. 2. 2000
- Dr. solah Abdul Fattah al Khalidi. *Ma'a Qasas al Sabiqin Fi al Quran*. (*min kunuz al Quran 5*) jil. 1. dar al Qalam. Damsyik. Cet. 2: 1996
- Muhammad Somil al Ilyani al Sakmi. *Manhaj Kitabat al Tarikh al Islami*. Dar Tibah. Riyadh. Cet. 1. 1986.
- Mohd. Sulaiman Hj Yasin. *Islam Dan Aqidah* (satu pengantar). Al Omari Sdn. Bhd. Selangor. Cet. 2. 1985.
- Dr. Muhammad Othman Najati. *Al Quran Wa Ilmu al Nafs*. Dar al Syuruq. Kaherah. Cet. 5. 1993
- Al Khatib, Dr. Syarif al Syeikh Soleh. *al Sunan al Ilahiyyah fi al Hayah al Insaniyah*. Jil. 1
- Muhammad Khalil Harasy. *Dakwah al Tauhid: Usuluhu, al Adwar allati Marrat biha, Masyahir Du'atiha*. Maktabah Ibnu Taimiyah. Kaherah. Cet. 1. 1987
- Taufiq Muhammad Sab'. *Qiam al Hadhariyah Fi al Quran al Karim*. Jil. 2. kaherah. Majmu'ah al Buhuth al Islamiyah. 1972
- Abdul Halim al Jundi. *Al Quran wa minhaj al ilmi al Mu'asir*. Dar al Ma'arif. 1984. kaherah:
- Salim Ibnu Said Ibnu Masfar Ibnu Jabbar. *Al Iqna' Fi al Tarbiyah al Islamiyah*. Dar al Andalus al Khadra'. Cet. 2. 2001. Jeddah, Arab Saudi
- Dr. Yusuf al Qardawi. *Al Sunnah. Masdarani li al Ma'rifah wa al hadharah*. Dar al Syuruq. Cet. 2. 1998. Kaherah
- Sivachandralingam Sundara Raja & Ayadurai Letchumanan. *Tamadun Dunia*. Fajar Bakti. Ed. 2. 2001
- Ibnu Khaldun. *Tahqiq: Suhaib Uthman & Muhammad Darwish. Min Muqaddimah Ibni Khaldun: al Siyasat wa al Iqtisod. Mansyurat Wizarat al Thaqafah wa al Irsyd al Qaumi*. Damsyik. 1978

- Yusuf al Qardhawi. Pent. Arsil Ibrahim. *Islam teras tamadun masa depan*. Penyunting- Mohd. Sidin ahmad ishak phd. Institute terjemahan negara. KI 1988. cet. 1
- Miqdad Yalijin. *Al Ittijah al Akhlaki Fi al Islam (dirasat al Muqaranah)* Cet. 1. 1973. Maktabah al Khonaji. Mesir